

**NEWS CLIPPING – PRESS**

|              |   |            |                   |
|--------------|---|------------|-------------------|
| CLIENT:      | DSA EXHIBITION AND CONFERENCE                 |            |                   |
| PUBLICATION: | MYBIZZ.XYZ                                    | SECTION:   | MALAYSIAN INSIDER |
| DATE:        | FRIDAY, 19 FEBRUARY 2016                      | PAGE NO.:  | 1 OF 2            |
| CIRCULATION: | ONLINE  | FREQUENCY: | ONLINE            |
| HEADLINE:    | 1,200 SYARIKAT DARI 60 NEGARA SERTAI DSA 2016 |            |                   |

TUESDAY, 23 FEBRUARY 2016 | OneXOX | Siaran TV Malaysia

Search



## Informasi Semasa Terkini & Sensasi

Memaparkan informasi semasa terkini dan sensasi yang berlaku sekitar kita...



Home / Malaysian Insider / 1,200 syarikat dari 60 negara sertai DSA 2016

### 1,200 SYARIKAT DARI 60 NEGARA SERTAI DSA 2016

admin 5 days ago Malaysian Insider Leave a comment 22 Views



Menteri

Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata penyertaan dalam DSA meningkat sebanyak 15% berbanding tahun 2014 dan 40% daripada tahun 2012. – Gambar fail The Malaysian Insider, 18 Februari, 2016. Sebanyak 1,200 syarikat daripada 60 negara dijangka menyertai Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2016 ke-15 selama 4 hari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di Kuala Lumpur mulai 18 April ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata penyertaan dalam DSA meningkat sebanyak 15% berbanding tahun 2014 dan 40% daripada tahun 2012.

“Perkembangan positif itu menunjukkan kedudukan negara berada dalam posisi yang strategik dalam konteks pertahanan,” katanya.

## NEWS CLIPPING – PRESS

|              |   |            |                   |
|--------------|---|------------|-------------------|
| CLIENT:      | DSA EXHIBITION AND CONFERENCE                 |            |                   |
| PUBLICATION: | MYBIZZ.XYZ                                    | SECTION:   | MALAYSIAN INSIDER |
| DATE:        | FRIDAY, 19 FEBRUARY 2016                      | PAGE NO.:  | 2 OF 2            |
| CIRCULATION: | ONLINE  | FREQUENCY: | ONLINE            |
| HEADLINE:    | 1,200 SYARIKAT DARI 60 NEGARA SERTAI DSA 2016 |            |                   |

“Penganjuran kali ini menerima sambutan yang baik daripada peserta meskipun keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat DSA 2016 di Wisma Pertahanan, di Kuala Lumpur, hari ini.

Katanya, pameran yang diadakan dua tahun sekali itu juga menyasarkan sebanyak 34,000 pengunjung daripada 77 negara termasuk 300 perwakilan luar negara.

Dalam pada itu, Hishammuddin berkata, penganjuran pameran dan persidangan kali ini juga akan melihatkan beberapa pembaharuan akan dijalankan.

Menurutnya, buat pertama kali DSA 2016 akan menampilkan Dewan Pertahanan dan Keselamatan Malaysia yang mengandungi pavilion berasingan daripada pelbagai agensi pertahanan dan keselamatan serta agensi kerajaan terlibat dalam bidang maritim, persenjataan dan automatif.

Beliau berkata DSA 2016 juga akan mengadakan beberapa acara menarik seperti Persidangan Meja Bulat Panglima Tentera Darat (ChART) anjuran Angkatan Tentera Darat Malaysia, Forum Chemical Biological Radiological Nuclear Explosives (CBRNe), Forum Keselamatan Siber dan Forum Putrajaya dengan tema Kerjasama Serantau Dalam Menangani Cabaran Keselamatan.

Mengulas lanjut, beliau berkata pameran kali ini turut membuka pintu kepada industri Perusahaan Kecil dan Sederhana Tempatan yang menceburi industri keselamatan untuk mempromosikan produk mereka selain golongan muda yang akan diberi pendedahan mengenai aset-aset negara ini. – Bernama, 18 Februari, 2016.